



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 Pulau Pinang

Telefon : 04-657 5500
Faks : 04-658 2500
Laman Web : <http://jpnpp.moe.gov.my>

Ruj. Kami : JPNPP(UKK)100 – 4/4 Jld. **49 (40)**
Tarikh : **30** Jun 2021

Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Pulau Pinang,
Wisma Pengakap Pulau Pinang,
1, Solok Scotland,
10450 Pulau Pinang.

(u.p.: **En. Muhammad Shaqree bin Zakaria – S/U Program Negeri**)
Tel : 019-423 9886 E-mel: programppmmp21@gmail.com

Tuan,

**KEBENARAN PENGLIBATAN GURU DAN MURID DALAM UJIAN RAMBU
PENGAKAP KANAK-KANAK ANJURAN PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG (SECARA DALAM TALIAN)**

Dengan hormatnya surat tuan berkenaan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang **tiada halangan** bagi pihak tuan untuk menganjurkan secara dalam talian program tersebut pada **10 hingga 11 Julai 2021** dan menjemput murid yang berminat dari seluruh Pulau Pinang untuk menyertainya.

3. Walau bagaimanapun, pihak tuan hendaklah mematuhi syarat dan peraturan seperti yang terkandung dalam **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1995, Bil. 7/1988, Bil. 9/2004, Bil. 8/2009, Bil. 5/2018, dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010** serta peraturan-peraturan semasa yang ditetapkan seperti berikut:

- 3.1 Pihak penganjur disarankan untuk melaksanakan aktiviti secara dalam talian dengan menggunakan kemajuan teknologi serta kemudahan platform seperti *WhatsApp, Instagram, Facebook, Telegram* / aplikasi lain seperti *Google Meet* atau *Webex* yang membolehkan interaksi dua hala berlaku dan bersemuka secara dalam talian (maya);
- 3.2 Pihak penganjur dimohon membaca, memahami dan mematuhi semua Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum oleh KPM dan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- 3.3 Sekiranya aktiviti memerlukan bantuan pihak lain, kerja berkumpulan hanya dibenarkan dalam kalangan ahli keluarga peserta sahaja tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh penganjur;

...2/

KEBENARAN PENGLIBATAN GURU DAN MURID DALAM UJIAN RAMBU PENGAKAP KANAK-KANAK ANJURAN PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG (SECARA DALAM TALIAN)

- 3.3 **Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibubapa atau penjaga;**
- 3.4 **Penglibatan murid dalam aktiviti tersebut adalah melalui dan dengan pengetahuan serta kebenaran Pengetua dan Guru Besar sekolah terlibat**
- 3.5 **Guru-guru dan murid-murid tidak boleh dipaksa atau diwajibkan menyertai program berkenaan**
- 3.6 **Penglibatan guru dan murid dalam program ini tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) yang sedang berlangsung sekarang**
- 3.7 **Surat kebenaran / kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan**
- 3.8 **Mematuhi semua pekeliling / peraturan dan arahan pihak berkuasa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP/PKPB/PKPD/PKPP) yang sedang berkuatkuasa**

4. **TIADA** sebarang implikasi dan komitmen kewangan dari Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang atau Pejabat Pendidikan Daerah.

5. Bagi program-program yang **bersifat keagamaan**, hanya murid dan guru yang menganut agama berkenaan sahaja boleh dijemput bagi menyertai sesuatu program yang dianjurkan.

6. Bagi tujuan **pengiktirafan markah kokurikulum peringkat daerah atau negeri**, pihak tuan dimohon menghantar surat permohonan bersama satu laporan lengkap bergambar ke **Unit Pembangunan Bakat Murid (Kokurikulum) dalam tempoh 14 hari setelah tamat program**. Adalah menjadi tanggungjawab tuan selaku penganjur memanjangkan surat pengiktirafan tersebut kepada semua sekolah yang mengambil bahagian bagi tujuan pemberian markah kepada murid yang mengambil bahagian. Sekiranya **tiada permohonan** dibuat dalam tempoh yang dinyatakan, program ini hanya bertaraf peringkat sekolah sahaja.

7. Untuk makluman tuan juga, kategori **sijil pencapaian hanya bagi program berbentuk pertandingan sahaja** (tempat pertama/johan hingga kelima) dan tiada lagi tahap pencapaian beramai-ramai seperti sijil emas, perak atau gangsa bagi kuiz atau program-program seumpamanya. Setiap program dalam talian yang dianjurkan hendaklah **bersifat dua hala** melibatkan peserta (murid/guru) seperti menyertai kuiz atau menghasilkan projek dan sebagainya.

...3/

KEBENARAN PENGLIBATAN GURU DAN MURID DALAM UJIAN RAMBU PENGAKAP KANAK-KANAK ANJURAN PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG (SECARA DALAM TALIAN)

8. Berkaitan perkara no.6, pihak tuan diingatkan agar **tidak menyatakan tahap penglibatan murid** (seperti “Peringkat Kebangsaan” / “Peringkat Negeri Pulau Pinang”) dalam sebarang bentuk hebahan ke sekolah (surat atau poster) sehingga surat pengiktirafan markah kokurikulum dikeluarkan oleh pihak KPM/JPN selepas tamat program.

9. Surat ini membenarkan pihak tuan menghebah dan menjemput murid yang berminat bagi menyertai program ini. **Urusan hebahan dan jemputan ke sekolah-sekolah / murid berkenaan hendaklah diuruskan oleh pihak penganjur itu sendiri.** Sila lampirkan surat kebenaran ini bersama apabila menghantar jemputan kepada sekolah-sekolah tersebut.

10. Kelulusan ini adalah hanya untuk program yang dinyatakan dalam perancangan tersebut dan tamat tempohnya pada **12 Julai 2021**. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang berhak menarik balik surat kelulusan ini sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau didapati bercanggah dengan dasar sedia ada Kementerian Pendidikan Malaysia.


Sekian , terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PULAU PINANG PENERAJU TRANSFORMASI PENDIDIKAN NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(ABDUL SAID BIN HUSSAIN, BCN, PKT, PJK, PJM)

Timbalan-Pengarah,

Sektor Pembangunan Murid,

b.p. Pengarah Pendidikan,

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang.

No. Tel : 04-652 1194

E-mel : said.hussain@moe.gov.my

sk: 1. Pejabat Pendidikan Daerah Timur Laut/ Barat Daya/Utara/Tengah/Selatan
2. Pengetua / Guru Besar sekolah-sekolah terlibat